

Intelektual Melayu pikul tugas penting: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta cendekiawan Melayu tampil memberi sumbangan dan buah fikiran bagi meningkatkan taraf hidup masyarakatnya.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu di negara ini masih jauh ketinggalan berbanding masyarakat lain, terutama dalam bidang pelajaran dan ekonomi.

Dalam perutusannya di buku cenderamata Kongres Cendekiawan Melayu (KCM) II yang akan diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1 Julai ini, beliau berkata, masyarakat Melayu harus menggembleng tenaga bagi menguasai bidang berkenaan.

"Walaupun kita sudah mencapai banyak kejayaan hasil usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan kejayaan itu. Masih banyak yang kita ketinggalan dan perlu diatasi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin matlamat itu akan tercapai dengan kesedaran dan keinsafan serta usaha gigih daripada semua orang Melayu, termasuk cendekiawan.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, berkata kongres itu amat bermakna terhadap haluan umat Melayu kerana ia memberi kesempatan kepada golongan cendekiawan Melayu menggembleng buah fikiran ke arah penyelesaian pelbagai persoalan dan masalah bangsa.

Lapan kertas kerja akan dibentangkan dalam KCM II itu yang bertemakan 'Memasuki Dasawarsa 90-an'.